

## **KAWASAN PERDAGANGAN BEBAS (FTA) ASEAN-CHINA: IMPAK KE ATAS EKONOMI ASEAN DAN MALAYSIA**

*Mohamed Aslam<sup>1</sup>*

### **PENGENALAN**

Pada tahun 1990, Perdana Menteri Malaysia ketika itu, Dato' Sri Dr Mahathir Mohamed telah mencadangkan penubuhan Perkumpulan Ekonomi Asia Timur atau *East Asian Economic Group* ringkasnya EAEG yang merangkumi ASEAN, Negara China, Korea Selatan dan Jepun. Malangnya cadangan tersebut telah gagal disebabkan oleh faktor-faktor yang tertentu. Bagaimanapun keinginan Malaysia untuk mewujudkan EAEG dengan keanggotaan Negara yang sama telah dipertimbangkan semula dengan serius pada tahun 1999. Dalam tahun tersebut ASEAN, China, Jepun dan Korea Selatan telah bersetuju untuk menubuhkan suatu gagasan yang dikenali sebagai ASEAN + 3 (AP3).

Terdapat beberapa sebab munculnya minat untuk menubuhkan AP3, pertama, untuk meningkatkan kerjasama demi mewujudkan kestabilan ekonomi di rantau Asia Tenggara dan Asia Timur. Kerjasama tersebut amat perlu kerana dijangkakan pada waktu itu kesan krisis matawang dan kewangan mungkin berpanjangan dan juga dijangkakan ekonomi dunia akan mengalami kemerosotan dalam tahun 2000. Keduanya AP3 penting terutamanya kepada ASEAN dari segi menghadapi kemungkinan kesan ekonomi negatif dari perkembangan ekonomi negara China.

Perkembangan pesat ekonomi China telah mengujudkan pengherotan perdagangan dan penyimpangan pelaburan asing di rantau Asia Tenggara sejak tahun 1997. Hal tersebut dan kembalinya China dalam Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO)<sup>2</sup> telah mengusarkan pemimpin-pemimpin negara-negara ASEAN. Untuk mengurangkan kemungkinan menghadapi kesan negatif dari perkembangan ekonomi China, ASEAN berhubung dan berunding dengan kerajaan China untuk mengujudkan kerjasama ekonomi.

Hasil dari rundingan tersebut perjanjian untuk penubuhan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN-China telah dimeterai pada 4 November 2002 di Phnom Penh. Pada 29 November 2004 perjanjian mengenai pengliberalan perdagangan (iaitu fasa pertama kerjasama ASEAN-China) telah dimeterai di antara ASEAN dan China. Sebenarnya, sebarang rancangan penubuhan kerjasama ekonomi di rantau Asia Timur semestinya akan memberi implikasi terhadap ekonomi negara-negara yang menyertainya dan Malaysia tidak terkecuali dalam hal ini.

## KE ARAH ASEAN + 3

Sebelum krisis ekonomi Julai 1997 dan sejak selepas zaman Perang Dunia Kedua, kerjasama ekonomi di kalangan negara-negara di Asia Timur lebih berbentuk pelbagai hala (*multilateral*). Malahan pertumbuhan pesat ekonomi dan pembangunan ekonomi boleh dikatakan sehubungan dengan polisi pelbagai hala tersebut. Ini berbeza dengan negara-negara Amerika Syarikat dan Eropah Barat yang telah menubuhkan pelbagai kerjasama ekonomi samada sebagai kawasan perdagangan bebas atau menandatangani perjanjian perdagangan bebas dua-hala (FTA).

Di Asia Timur hanya kumpulan negara-negara Asia Tenggara sahaja yang aktif dalam kerjasama ekonomi dan politik. Negara-negara berkenaan telah menubuhkan ASEAN dalam tahun 1960an dan juga telah melancarkan kawasan perdagangan bebas ASEAN (AFTA) dalam tahun 1992. Manakala di kalangan negara Asia Timur Utara<sup>3</sup>, boleh dikatakan negara-negara tersebut tidak terlibat atau menandatangani perjanjian perdagangan bebas dua-hala atau menubuhkan kawasan perdagangan bebas.

Walaupun ada cadangan dari negara-negara ASEAN untuk membangunkan sebuah kumpulan kerjasama ekonomi yang lebih luas serta aktif, idea tersebut telah dipandang ringan atau kerajaan negara-negara berkenaan tidak berminat dengan idea cadangan penubuhan kumpulan kerjasama ekonomi. Bagaimanapun, sejak krisis ekonomi melanda dalam tahun 1997, haluan negara-negara ASEAN dan Asia Timur Utara telah berubah. Sejak itu negara-negara tersebut telah mulai terbuka dalam perkara kerjasama ekonomi. Negara Jepun sebagai kuasa ekonomi kedua dunia, kalau dahulunya enggan terlibat dalam kerjasama ekonomi atau menubuhkan kawasan perdagangan bebas sekarang ini bergiat cergas berunding menubuhkan kawasan perdagangan bebas dua-hala (FTA) dengan negara Singapura, Korea Selatan, Chile, Mexico, Kanada, Australia, New Zealand, Switzerland, Taiwan dan Thailand. Sehingga kini Jepun telah menandatangani perjanjian FTA dengan Singapura, Mexico dan Filipina. Korea Selatan juga telah berunding dengan negara-negara Chile, Jepun, New Zealand, Mexico dan Thailand kemungkinan menubuhkan FTA<sup>4</sup>. Makalah ini tidak akan membincangkan hal berkaitan FTA. Makalah ini lebih condong mengenai isu AP3 dan FTA ASEAN-China.

Idea penubuhan kerjasama ekonomi Asia Timur yang melibatkan Asia Timur dengan ASEAN bukanlah perkara baru. Sebenarnya idea penubuhan kerjasama ekonomi iaitu EAEG telah dicadangkan oleh bekas Perdana Menteri Malaysia Dato' Seri Dr Mahathir Mohamed dalam bulan Disember 1990. Rasional penubuhan EAEG-1990 pada ketika itu adalah untuk mempengaruhi dan mengukuhkan kedudukan atau suara negara-negara membangun terutamanya negara-negara Asia Tenggara dan Asia Timur dalam Rundingan Perdagangan Pusingan Uruguay dalam tahun 1993<sup>5</sup>. Keduanya untuk menyaingi penubuhan Kesatuan Eropah dan Kawasan Perdagangan Bebas Amerika Utara (NAFTA).

Memandangkan idea kerjasama EAEG-1990 ini telah membelakangkan negara-negara industri barat terutamanya negara Amerika Syarikat, maka kerajaan Amerika Syarikat dan diikuti oleh Australia dan New Zealand telah menyuarakan

### *Mohamed Aslam - Kawasan Perdagangan Bebas (FTA)*

bangkangan terhadap penubuhan EAEG-1990. Malahan rakan utama negara ASEAN Jepun juga telah menolak idea EAEG-1990. Jepun menolak penubuhan EAEG-1990 adalah berpunca dari tentang Amerika Syarikat. Hubungan perdagangan antara Jepun dengan Amerika Syarikat telah menjadi agak tegang sejak awal tahun 1990an kerana kerajaan Jepun melindungi industri automobil, filem (foto), pertanian dan elektronik dengan mengenakan pelbagai halangan bukan berbentuk tariff ke atas produk import.

Untuk memastikan tiadanya tindakan drastik pengenaan halangan bukan berbentuk tarif Super 301 oleh kerajaan Amerika Syarikat terhadap keluaran atau eksportnya, maka kerajaan Jepun tidak menyokong penubuhan EAEG-1990. Walaupun kerajaan Jepun telah menolak idea penubuhan EAEG dan untuk menerajui EAEG-1990 tetapi ini tidak mematahkan semangat ASEAN. Idea penubuhan EAEG-1990 telah diteruskan oleh ASEAN, tetapi perangkuman EAEG-1990 telah dipinda iaitu dengan mengecilkan peranan gagasan tersebut. Malahan nama EAEG-1990 telah ditukarkan kepada *East Asian Economic Caucus (EAEC)*. Kita boleh andaikan bahawa cadangan penubuhan EAEG-1990 telah “mati”. Kenapa EAEG-1990 tidak menjadi realiti? Sebelum ekonomi sebahagian dari negara-negara ASEAN dan Asia Timur merudum dalam tahun 1997, negara-negara anggota ASEAN lebih menumpukan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) dan gagasan Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (APEC). Manakala negara-negara Asia Timur lain pula terutamanya negara Jepun lebih mengutamakan APEC.

Sejak negara-negara tertentu Asia Timur terlibat dalam krisis matawang-kewangan tahun 1997<sup>6</sup>, idea penubuhan EAEG telah muncul kembali. Kemunculan EAEG bermula dengan cadangan untuk menubuhkan Dana Matawang Asia (*Asia Monetary Fund, AMF*) oleh Jepun dalam tahun 1997 untuk membantu mengatasi masalah ekonomi yang dihadapi oleh negara-negara Asia Tenggara (SEA) termasuk Korea Selatan. Kerajaan Jepun telah bersedia untuk menyumbangkan dana sebanyak AS\$100 billion. Hong Kong, Taiwan dan Singapura telah menyatakan persetujuan menyertai AMF, malahan idea AMF ini telah mendapat reaksi positif dari negara-negara Asia yang lain (lihat Harvie dan Lee, 2002). Bagaimanapun, kerajaan Amerika Syarikat terutamanya dan Dana Matawang Antarabangsa (IMF) telah menyuarakan bangkangan keras dan sama sekali menolak idea penubuhan AMF tersebut<sup>7</sup>. Idea penubuhan AMF ini gagal juga. Walaupun idea penubuhan AMF telah gagal tetapi ianya masih diperkatakan dan diperbincangkan sehingga ke hari ini oleh masyarakat ASEAN dan Asia Timur.

Kegagalan penubuhan EAEG-1990 dan AMF disebabkan oleh campurtangan kerajaan Amerika Syarikat. Campurtangan oleh kerajaan Amerika Syarikat telah ujud di Asia Timur hasil dari hubungan perdagangan barang dan pelaburan yang erat antara negara-negara Asia Timur terutamanya Jepun dan Korea Selatan dengan Amerika Syarikat. Khawatir mengenai pengenaan halangan perdagangan atau ekonomi oleh kerajaan Amerika Syarikat telah menyebabkan sebahagian besar negara Jepun dan Korea Selatan akur dengan desakan negara tersebut. Jika idea penubuhan EAEG-1990 dan AMF diteruskan ini sudah semestinya

akan mengakis campurtangan geo-politik dan ekonomi Amerika Syarikat di rantau Asia Tenggara (SEA) dan Asia Timur, dan ini yang kerajaan Amerika Syarikat tidak sanggup menghadapinya.

Walaupun idea EAEG-1990 telah dipatahkan oleh Amerika Syarikat, tetapi inisiatif untuk penubuhan gagasan berkenaan masih diteruskan. Dalam bulan Disember 1995, negara-negara ASEAN telah bersetuju menubuhkan EAEC walaupun tanpa penyertaan dari negara Jepun. Negara China telah menyatakan persetujuan untuk menyertainya. Persetujuan oleh kerajaan negara China untuk menyertai EAEC telah mengusarkan negara Jepun. Ini disebabkan China yang dikatakan telah kukuh dari segi kuasa politik dan ketenteraan dan bakal pula menjadi kuasa ekonomi antara tahun 2020-2030. Kegusaran mengenai kemungkinan negara China menguasai EAEC dan tidak mahu ketinggalan dalam arena politik regionalisme, maka negara Jepun telah menyertainya.

Pada persidangan peringkat menteri ASEAN di Kuala Lumpur dalam tahun 1997 sekali lagi Dato' Seri Dr Mahathir telah menyuarakan pendapatnya agar negara-negara Asia Timur iaitu ASEAN dan negara Asia Timur Utara iaitu negara China, Korea Selatan dan Jepun bekerjasama dan membentuk sebuah gagasan ekonomi Asia Timur (Harvie dan Lee, 2002). Pada prinsipnya delegasi-delegasi dari negara ASEAN dan negara Asia Timur Utara telah bersetuju dan akur dengan pandangan Dr. Mahathir tersebut untuk membentuk suatu gagasan ekonomi. Yang berbeza antara tahun 1997 dengan tahun 1990 (lihat perenggan berikutnya) ialah sejak tahun 1997 semangat di kalangan negara-negara Asia Timur untuk membentuk gagasan telah meningkat tinggi. Tambahan lagi kerajaan negara-negara berkenaan amat komited untuk merealisasikan penubuhan Kumpulan Kerjasama Ekonomi Asia Timur (EAEG atau ASEAN + 3).

Persidangan APT yang pertama telah diadakan dalam tahun 1997 itu juga. Pada persidangan peringkat menteri di Manila tahun 1999, kata sepakat telah dicapai antara negara-negara yang terlibat dalam APT untuk menubuhkan ASEAN + 3 iaitu kerjasama ekonomi antara ASEAN, negara China, Korea Selatan dan Jepun. ASEAN + 3 ini akan merintih penubuhan kawasan perdagangan bebas Asia Timur walaupun untuk merealisikannya masih jauh lagi. Klimaks penubuhan ASEAN + 3 adalah dengan pementerian perjanjian antara ASEAN dengan negara China pada 4 November 2002 di Phnom Penh untuk menubuhkan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN-China. Kesemua urusan mengenai penubuhan FTA tersebut harus selesai pada tahun 2012. Jika FTA ASEAN-China menjadi realiti ia akan menjadi sebuah blok perdagangan bebas yang terbesar di dunia yang mana meliputi 1.7 billion penduduk, KDNK purata AS\$2 trillion dan jumlah perdagangan dua-hala AS\$1.23 trillion.

#### **FTA ASEAN-CHINA: IMPAK KE ATAS EKONOMI ASEAN**

Dari segi teorinya, FTA akan membawa ke arah pengkhususan pengeluaran barang untuk barang yang mempunyai faedah berbanding. Penciptaan perdagangan berlaku apabila sebahagian pengeluaran domestik dalam sesebuah anggota FTA digantikan

### *Mohamed Aslam - Kawasan Perdagangan Bebas (FTA)*

dengan kos import yang lebih rendah dari negara lain. Seterusnya ini akan meningkatkan pendapatan benar dalam kedua-dua buah negara sebab sumber-sumber ekonomi akan bergerak dari satu sektor ke sektor yang lain dan dari sebuah negara ke negara yang lain. Dengan diberikan adanya faktor mobiliti sumber-sumber ekonomi, maka penggunaan sumber-sumber tersebut akan menjadi lebih effisien dan produktif.

Pelupusan atau pengurangan halangan perdagangan di antara ASEAN dan China akan mengurangkan kos, meningkatkan perdagangan intra-serantau (negara) dan meningkatkan kecekapan ekonomi. Dianggarkan FTA ASEAN-China akan meningkatkan eksport ASEAN ke China sebanyak 48% dan eksport China ke ASEAN sebanyak 55.1%. FTA tersebut akan meningkatkan KDNK ASEAN sebanyak 0.9% bersamaan AS\$5.4 billion manakala KDNK China pula akan berkembang pada kadar 0.3% atau AS\$2.2 billion. Penubuhan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN-China dalam jangkamasa 10 tahun semestinya akan memberi kesan ke atas sektor-sektor ekonomi lain. Keberuntungan dari FTA ASEAN-China telah mendorong Jepun untuk menubuhkan FTA dengan ASEAN, dan rundingan untuk penubuhan FTA tersebut dijadualkan dalam tahun 2005.

Sejauhmanakah implikasi FTA ASEAN-China ke atas ekonomi ASEAN?. Sejak pertengahan tahun 1990an telah ujudnya tren penyimpangan pelaburan langsung asing (FDI) dari negara-negara ASEAN ke negara China. Tumpuan FDI dunia di negara-negara membangun adalah di negara China. Kesan dari kemerosotan ekonomi dan impak dari kejatuhan ekonomi sejak tahun 1997 telah memberi implikasi ekonomi negatif bukan sahaja kepada negara-negara yang mengalami krisis berkenaan tetapi juga kepada negara-negara jiran. Singapura contohnya telah mengalami kelembapan ekonomi hasil dari krisis ekonomi yang dialami oleh negara-negara jiran.

Banyak industri terutamanya industri elektronik-elektrikal (E&E) samada telah menutup operasi atau telah memindahkan operasi mereka ke negara China. Begitu juga halnya dengan negara Malaysia. Faktor utama penutupan dan pemindahan lokasi operasi syarikat asing disebabkan kos pengeluaran yang semakin mahal di negara-negara tersebut berbanding dengan kos pengeluaran di negara China (Jadual 1). Kos pengeluaran per unit buruh di negara China adalah amat rendah berbanding dengan negara-negara lain. Berdasarkan Jadual 1, kita boleh menganggarkan atau menduga berapakah kos-kos pengeluaran di negara-negara Asia Tenggara yang lain.

**Jadual 1: Perbandingan Antarabangsa Produktiviti Buruh Perkilangan (AS\$/buruh setahun)**

N. Cina (1998)	A.Syarikat (1995)	Jepun (1993)	Jerman (1994)	Korea S (1994)	Malaysia (1995)	Indonesia (1996)
3,604	98,253	104,075	85,370	57,666	17,135	9,332

Sumber: Shun-ya dan Masaki (2002).

Perkembangan ekonomi negara China adalah amat pesat<sup>8</sup> walaupun pada ketika negara-negara Asia Timur yang lain menghadapi dan berusaha mengatasi krisis ekonomi. Pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) benar negara China sedekad yang lalu (sejak tahun 1990) ialah 10.1 peratus (kadar purata). Ini suatu kadar pertumbuhan ekonomi yang tinggi di dunia. Dalam jangka masa yang sama juga eksport negara China telah meningkat tiga kali ganda iaitu dari AS\$62.1 billion dalam tahun 1990 ke AS\$249.2 billion dalam tahun 2000. Negara China telah menjadi pengeksport ketujuh terbesar di dunia.

Kemasukan FDI ke negara China pula telah meningkat lebih dari 10 kali ganda iaitu dari AS\$3.5 billion dalam tahun 1990 ke AS\$35.8 billion dalam tahun 1995 dan dalam tahun 2000 negara tersebut telah menerima sebanyak AS\$40.77 billion yang bersamaan dengan 29.7% dari jumlah FDI di negara-negara Asia (Jadual 2) (atau 17% dari jumlah FDI ke negara-negara membangun). Dianggarkan China akan menarik masuk FDI berjumlah AS\$100 setiap tahun dari tahun 2006-2010 (*Business Times*, 2003). Kebanyakan FDI di negara China lebih bertumpu dalam sektor industri berintensif buruh dan ini adalah sehaluan dengan dasar ekonomi kerajaan negara China itu sendiri yang mengalakkan kemasukan FDI dalam sektor tersebut.

**Jadual 2: Asia Tenggara (SEA) Dan Negara Cina: Kemasukan FDI, 1995-2000 (AS\$'juta)**

Negara	1995	1996	1997	1998	1999	2000
Brunei	13	-69	2	-20	-38	-19
Cambodia	151	294	204	121	135	153
Indonesia	4,346	6,194	4,677	-356	-2,745	-4,550
Laos	95	160	91	46	79	72
Malaysia	5,816	7,296	6,513	2,700	3,532	5,542
Myanmar	277	310	387	314	253	240
Filipina	1,459	1,520	1,249	1,752	737	1,489
Singapore	8,788	10,372	12,967	6,316	7,197	6,390
Thailand	2,004	2,271	3,627	5,143	3,562	2,448
Vietnam	2,336	2,519	2,824	2,254	1,991	2,081
Total SEA	25,285	30,867	32,541	18,270	14,703	13,846
SEA % Negara Asia M'bangun	34.3	34.5	33.0	21.2	15.3	10.1
Cina	35,849	40,180	44,237	43,751	40,319	40,772
Cina % Negara Asia M'bangun	48.7	44.9	44.9	50.9	41.9	29.7

Nota: Negara Membangun Asia merujuk Asia Selatan, Timur dan Asia Tenggara

Sumber: UNCTAD, World Investment Report 2001

Perdagangan asing merupakan faktor tolakan utama pembangunan ekonomi di rantau ASEAN dan di negara China. Peningkatan perdagangan dari negara China

### *Mohamed Aslam - Kawasan Perdagangan Bebas (FTA)*

telah meningkat melebihi 400 peratus sejak tahun 1980. Manakala kenaikan jumlah perdagangan dari ASEAN dari tahun 1980-2000 lebih kurang 80 peratus. Negara China adalah pedagang ke tujuh terbesar di dunia dalam tahun 2000 berbanding di tangga 34 dalam tahun 1970an (Drysdale,2002). Negara China dikatakan telah menjadi penggerak pertumbuhan perdagangan dunia dalam lewat tahun 1990an dan awal tahun 2000an. Dari segi penguasaan pasaran di peringkat antarabangsa, ASEAN sudah tidak dapat lagi menyaingi negara China. Oleh itu pembentukan FTA ASEAN-China sudah semestinya akan memberi suatu implikasi negatif terhadap pertumbuhan perdagangan negara-negara ASEAN. Kemungkinan jumlah perdagangan ASEAN akan berkurangan hasil dari penyimpangan FDI dari ASEAN ke Cina dan perubahan perletakan lokasi operasi syarikat asing di ASEAN ke China. Persaingan di antara ASEAN dengan China dalam perdagangan antarabangsa akan berlaku dalam dua aspek iaitu (1) penumpuan pasaran, dan (2) persaingan dari segi produk keluaran.

Dari aspek penumpuan pasaran, Amerika Syarikat dan Jepun adalah rakan dagangan utama kepada ASEAN dan China. Eksport dari negara China ke Amerika Syarikat dalam tahun 2001 adalah 20 peratus dari jumlah eksportnya, manakala import dari Amerika Syarikat pula adalah 12 peratus dari jumlah import. Eksport dari negara China ke Jepun pula dalam tahun 2001 adalah 18 peratus dari jumlah eksport dan import pula ialah 20 peratus dari jumlah import (Nomura, 2002). Untuk kes ASEAN pula, dalam tahun 2000 jumlah perdangangannya dengan negara Amerika Syarikat dan Jepun, masing-masingnya 20 peratus dan 17 peratus. Persaingan dari eksport barang ke pasaran negara maju adalah amat besar kepada ASEAN dan China. Untuk kes pasaran Amerika Syarikat, persaingan Jepun dengan China memasuki pasaran Amerika adalah 16.3 peratus. Manakala untuk negara-negara Asia Timur yang lain persaingan dengan produk keluaran China untuk pasaran Amerika Syarikat telah meningkat (Jadual 3). Untuk kes negara-negara Indonesia, Thailand, Hong Kong, Malaysia dan Filipina, persaingan dengan negara China untuk masuki pasaran Amerika Syarikat telah menjadi semakin sengit atau menjadi lebih kompetitif.

Perkembangan ekonomi dan sektor perdagangan negara China bukan sahaja telah memberi persaingan kepada negara ASEAN, sebaliknya telah juga meningkatkan hubungan perdagangan di antara kedua-dua belah pihak. Dalam tahun 2000, perdagangan ASEAN-China berjumlah AS\$39.5 billion, kenaikan sebanyak 20.4% sejak tahun 1991. Dalam tahun 1991 negara China mengeksport barang berjumlah AS\$4.1 billion ke ASEAN, jumlah ini telah meningkat ke AS\$17.3 billion dalam tahun 2000. Negara China mengimport barang dari ASEAN juga telah meningkat dari AS\$3.8 bilion dalam tahun 1991 kepada AS\$22.2 billion dalam tahun 2000. Sebahagian besar dari kenaikan import negara China adalah dari jenis barang perantara. Pertambahan import ini sebahagian besarnya berpunca dari kemasukan FDI dari negara-negara Asia Timur. Hal ini tidak semestinya menunjukkan ekonomi negara-negara Asia Timur atau ASEAN adalah baik. Memandangkan negara-negara ASEAN adalah negara membangun, aliran keluaran modal dari negara-negara tersebut bukan perkara baik untuk negara-negara ASEAN itu sendiri. Aliran keluar modal itu tidak semestinya dari syarikat-syarikat tempatan,

mungkin dari syarikat asing yang telah menutup operasinya di negara-negara tersebut.

**Jadual 3: Persaingan Dengan Negara Cina Untuk Pasaran Amerika Syarikat**

Negara	1990	1995	2000
Jepun	3.0	8.3	16.3
Korea Selatan	24.0	27.1	37.5
Taiwan	26.7	38.7	48.5
Hong Kong	42.5	50.5	55.9
Singapura	14.8	19.2	35.8
Indonesia	85.3	85.5	82.8
Malaysia	37.1	38.9	48.7
Filipina	46.3	47.8	46.1
Thailand	42.2	56.3	65.4

Sumber: Kwan (2002).

**Jadual 4: Faedah Berbanding Mengikut Sektor Komoditi Untuk Negara Asia Terpilih, 2000**

Negara	SITC0	SITC1	SITC2	SITC3	SITC4	SITC5	SITC6	SITC7	SITC8
Cina	0.93	0.56	0.64	0.51	0.77	0.62	1.28	0.61	2.96
Jepun	0.06	0.10	0.20	0.07	0.03	0.77	0.74	1.76	0.74
H Kong	0.26	0.83	0.43	0.15	0.46	0.62	1.11	0.84	3.01
Taiwan	0.25	0.03	0.37	0.04	0.04	0.69	1.29	1.26	0.99
Korea S	0.28	0.09	0.39	0.41	0.04	0.80	1.22	1.15	0.65
Indonesia	0.98	0.47	2.18	3.17	8.23	0.38	1.20	0.22	1.22
Malaysia	0.37	0.32	1.26	1.08	12.87	0.39	0.61	1.45	0.68
Filipina	0.81	0.19	0.51	0.16	5.67	0.16	0.30	0.77	0.75
Singapura	0.27	1.43	0.26	0.94	0.60	0.64	0.37	1.71	0.61
Thailand	2.76	0.33	1.25	0.31	0.26	0.47	0.79	0.98	1.32

Sumber: Xiaojuan (2001).

Persoalan utama lain berkait dengan perdagangan ialah mengenai faedah berbanding. Berdasarkan Jadual 4, terdapatnya pertindihan dari segi pengeluaran barang untuk eksport dan faedah berbanding. Dengan mengenepikan komoditi kategori SITC 0-SITC 5, negara China mempunyai faedah berbanding dalam SITC 6 (tekstil) dan produk perkilangan SITC 8. Dalam tahun 2001, eksport utama China ialah tekstil yang mewakili 20 dari jumlah eksport, diikuti dengan peralatan telekomunikasi dan komputer sebanyak 14 peratus dan jentera 13 peratus<sup>9</sup>. Manakala negara ASEAN lebih mengkhusus dalam SITC 7 (elektirikal dan elektronik) dan SITC 8. Walaupun ASEAN dikatakan lebih kompetitif dengan negara China dalam sektor elektrikal-elektronik, tetapi kompetitif ini akan menurun disebabkan FDI ke

***Mohamed Aslam - Kawasan Perdagangan Bebas (FTA)***

negara China telah meningkat lebih dalam sektor tersebut.

Seperti yang telah dimaklumkan di atas, sektor yang paling kritikal ialah sektor elektronik. Sebagai perbandingan, jumlah keluaran elektrikal-elektronik untuk negara China dalam tahun 1996 ialah AS\$35 billion, angka ini telah meningkat sebanyak AS\$50 billion dalam tahun 1999. Manakala untuk kes negara Korea Selatan pula jumlah keluaran elektrikal-elektronik dalam tahun 1996 berjumlah AS\$44 billion tetapi telah menurun ke AS\$43 billion dalam tahun 1999; Singapura pula jumlah keluaran untuk sektor itu dalam tahun 1996 ialah AS\$44 billion, juga dalam tahun 1999 keluaran tersebut telah menurun sebanyak AS\$43 billion; dalam kes Malaysia pula jumlah keluaran sektor berkenaan dalam tahun 1996 ialah AS\$30 billion dan telah meningkat sebanyak AS\$34 billion dalam tahun 1999; dan untuk kes Thailand jumlah keluaran sektor tersebut dalam tahun 1996 adalah berjumlah AS\$14 billion dan juga telah meningkat dalam tahun 1999 iaitu AS\$15 billion.

Walaupun untuk kes Malaysia dan Thailand jumlah keluaran elektrikal-elektronik telah meningkat dalam tahun 1999, tetapi kenaikan tersebut adalah amat kecil jika dibanding dengan jumlah kenaikan untuk kes negara China. Negara China telah pun menjadi salah sebuah negara pengeluar utama barang elektrikal dan elektronik di dunia. Dalam tahun 2001 negara China telah mengeluarkan telefon mudah-alih sebanyak 12.9 peratus dari jumlah keluaran dunia, pemain DVD 38.8 peratus dari keluaran dunia, VTRs 23.2 peratus dari keluaran dunia, TV warna 24.6 peratus dari keluaran dunia, penghawa dingin 38.7 peratus dari keluaran dunia dan hard-disk drive 6.9 peratus dari keluaran dunia (Atsuo, 2002).

**Jadual 5a: Kadar Tariff Purata Di ASEAN-6 Dan Cina, Produk Utama Terpilih (Peratusan)**

Import ASEAN & Kadar Tariff di N. Cina	Import China & Kadar Tariff di ASEAN
Buah-buahan & sayur-sayuran	5.0
Arang Batu	9.4
Makanan	5.0
Barangan elektrikal	4.8
Minuman & tembakau	6.2
Jentera	3.4
Kadar Purata Tariff	2.3

Sumber: Chirathivat (2002).

**Jadual 5b: Kadar Purata Halangan Bukan Tariff (Ntb) Di ASEAN-6 Dan Cina, (Peratusan)**

Import ASEAN dan Kadar NTB di N. Cina	Import Cina dan Kadar NTB di ASEAN
Produk berasaskan galian	13.6
Produk berasaskan tenusu	17.0
Minuman & Tembakau	51.2
Textiles	7.3
Komoditi-komoditi lain	9.6
Kadar Purata NTB	9.2

Sumber: Chirathivat (2002).

Berasaskan apa yang telah dibincangkan di atas, adakah ASEAN termasuk Malaysia sudah bersedia menghadapi kemungkinan kesan negatif ekonomi dari FTA tersebut. Dari aspek perdagangan sebenarnya ASEAN belum bersedia lagi. Negara-negara dalam kumpulan ASEAN amat khuatir mengenai kemungkinan lambakan barang atau produk yang murah dari negara China. Malahan di kalangan negara-negara ASEAN intra-perdagangan perkembangan tidak begitu signifikan, bagaimana mungkin hendak bersaing dengan negara China. Jadual 5 menunjukkan import oleh ASEAN dari negara China dan import oleh negara China dari ASEAN yang dihubungkan dengan kadar tariff dan kadar bukan berbentuk tariff (NTB).

Kawalan tariff atau perlindungan ke atas sektor-sektor tertentu masih tinggi di ASEAN berbanding dengan negara China. Jika halangan-halangan perlindungan tariff dan NTB dihapuskan atau dikurangkan produk-produk keluaran negara-negara ASEAN akan menghadapi saingan yang hebat dari produk keluaran negara China. Dalam rangkakerja FTA ASEAN-China, negara China harus menurunkan kadar perlindungan dalam jangkamasa sepuluh tahun manakala untuk negara-negara ASEAN jangkamasanya adalah 13-15 tahun supaya negara-negara ASEAN dapat bersedia menghadapi kemungkinan kesan negatif dari FTA tersebut. Secara tidak langsungnya rangkakerja tersebut mengakui bahawa akan berlakunya pengherotan perdagangan di negara ASEAN berbanding dengan negara China. Sehingga kini kita tidak tahu sebesar mana pengherotan perdagangan akan berlaku.

### **IMPLIKASI KE ATAS EKONOMI MALAYSIA**

Sebahagian besar perkembangan ekonomi negara China datangnya dari modal asing. Syarikat asing telah menyumbangkan sebanyak 30 peratus dalam keluaran industri, 50 peratus dalam eksport barang industri dan sebahagian besar dari pertambahan perolehan korporat (lihat Watanabe, 2002; Kwan, 2002, Nomura, 2002). Secara terperincinya dalam tahun 1985 sumbangan syarikat asing terhadap perkembangan eksport hanya 1 peratus (dari jumlah eksport), angka ini meningkat ke 13 peratus dalam tahun 1990, 32 peratus dalam tahun 1995 dan 48 peratus dalam tahun 2000. Manakala import oleh syarikat asing di negara China dalam tahun 1985 ialah 5 peratus dari jumlah import, meningkat ke 23 peratus dalam tahun 1990, 48 peratus dalam tahun 1995 dan 52 peratus dalam tahun 2000 (lihat Lardy, 2002:7).

Pergantungan pengeluaran dan pertumbuhan eksport negara China amat bergantung terhadap modal asing. Juga seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, eksport dari negara China dalam tahun 1990an lebih bertumpu dalam sektor elektronik-elektrikal, di samping produk perkilangan dalam klasifikasi komoditi SITC 6, 7 dan 8. Malaysia juga mempunyai persamaan dengan negara China dalam bentuk struktur pengeluaran dan eksport iaitu penumpuan dalam sektor elektronik untuk keluaran kasar negara dan jumlah eksportnya. Bezanya Malaysia dengan China, pergantungan ekonomi Malaysia terhadap sektor berkenaan adalah amat tinggi sekali. Pergantungan Malaysia terhadap modal asing dan pasaran antarabangsa sudah pun ujud semasa zaman pemerintahan British lagi.

*Mohamed Aslam - Kawasan Perdagangan Bebas (FTA)*

Perdagangan dua-hala Malaysia-China telah meningkat sejak tahun 1970. Bagaimanapun perdagangan tersebut kelihatan berat sebelah dan lebih memihak kepada negara China, walaupun ada kemajuan kepada Malaysia dalam tahun 1990an (Jadual 6). Eksport Malaysia ke China lebih kepada keluaran bahan mentah, petrokimia. Manakala import Malaysia dari China pula lebih bertumpu dalam produk barang perkilangan yang dari SITC6-8. Malaysia lebih kepada pembekal bahan mentah berbanding menjual barang perkilangan di pasaran negara China (Mohamed Aslam, 2003). Di pihak negara China, memandangkan ekonominya mulai berkembang keperluan bahan mentah dan bahan-api adalah penting dalam menjana perkembangan sektor industri.

**Jadual 6: Perdagangan Malaysia-Cina (RM' Juta)**

Tahun	Eksport	Import	Imbangan
1970	66.2	226.5	-160.3
1975	127.8	356.2	-228.4
1980	472.9	554.0	-81.1
1985	398.7	622.4	-223.7
1990	1,675.1	1,510.6	164.5
1995	4,904.4	4,298.3	606.1
1996	4,801.8	4,720.0	81.7
1997	5,257.9	6,254.4	-996.5
1998	7,764.0	7,250.0	514.0
1999	8,808.0	8,125.0	683.0
2000	11,507.0	12,321.0	-814.0
2001	14,520.0	14,457.0	63.0

Sumber: BNM, *Quarterly Economic Bulletin & Monthly Statistical Bulletin*, pelbagai isu.

Pertumbuhan ekonomi negara Malaysia sebahagian besarnya bergantung terhadap industri eksport. Sebarang gangguan dalam sektor antarabangsa dari aspek persaingan harga dari negara pengeluar (pengeksport) lain (negara membangun), maka sudah semestinya akan memberi implikasi kurang baik terhadap perkembangan ekonomi negara. Implikasi negatif ada dua satunya penyimpangan perdagangan dan keduanya penyimpangan pelaburan asing (FDI). Sekiranya kos pengeluaran dan harga eksport di negara China lebih rendah dan kompetitif berbanding dengan negara Malaysia, maka eksport negara Malaysia akan mengalami kejatuhan. Seperti yang telah digambarkan dalam Jadual 6, penumpuan dalam sektor perkilangan antara Malaysia dengan negara China umumnya adalah sama. Kedua-dua buah negara pengeluar dan pengeksport keluaran elektrikal dan elektronik, tekstil, bahan logam dan kimia. Jika permintaan terhadap keluaran eksport negara menurun, industri eksport akan turut terjejas dan negara akan menghadapi kemungkinan penutupan industri milik asing terutamanya dan pula kadar pengangguran akan meningkat.

Keduanya, berkait dengan kos pengeluaran rendah di negara China, negara ini akan dapat menarik masuk modal FDI yang lebih besar jumlahnya berbanding dengan negara Malaysia. Ini sudah pun berlaku. Kesannya bukan sahaja dirasai oleh Malaysia bahkan oleh negara-negara di ASEAN dan Asia Timur yang lain. Jika kedua-dua perkara di atas berlaku pada tahap yang serius ini sudah tentu akan membantutkan perkembangan ekonomi negara Malaysia. Walaupun dasar-dasar berbentuk fiskal defisit dan reformasi dalam polisi FDI telah dilaksanakan tetapi dasar-dasar tersebut belum tentu dapat memberi kesan pengganda yang besar jika keadaan sektor luar negeri tidak berpihak kepada Malaysia.

Analisis ekonomi atau unjuran seperti yang telah dibincangkan di atas masih belum boleh disahkan kesahihannya. Ini disebabkan FTA ASEAN-China masih diperangkat awal perlaksanaannya, tetapi keimbangan mengenai kesan FTA tersebut sudah pun tersebar luas. Secara kasar, perkembangan ekonomi negara China dan penyertaan negara ini dalam WTO dan dalam FTA dengan ASEAN kemungkinan besar akan memberi implikasi ekonomi negatif kepada negara ASEAN termasuk Malaysia. Malaysia mampu bersaing dengan negara China bahkan dengan negara-negara lain jika kos pengeluaran di Malaysia menjadi lebih murah dan kompetitif. Tetapi adalah bukan mudah bagi kerajaan Malaysia untuk mengurangkan kos tersebut. Pengurangan kos berkenaan akan memberi implikasi kebijakan pula memandangkan kos hidup di Malaysia semakin meningkat.

Makalah ini tidak mampu memberi pandangan mengenai cadangan polisi-polisi ekonomi yang harus diambil oleh kerajaan Malaysia untuk menangani persaingan ekonomi dari Negara China. Kuasa atau tekanan ekonomi luar negeri lebih besar berbanding dalam negeri. Adakah Malaysia mampu mengawal atau menangani kuasa atau tekanan luar negeri berkenaan?.

## **RUJUKAN**

- Atsuo, Kuroda (2002). "The Rise of China and the Changing Industrial Map of Asia", *Journal of Japanese Trade and Industry*, September/October: 14-18.
- Business Times* (2003). "Foreigners seen to double investment in China", 3 Januari, Singapura.
- Buszynski, Leszek (2001). "ASEAN and the Future of Southeast Asian Regionalism", *The Indonesian Quarterly*, vol. xx1x (3):277-285.
- Drysdale, Peter (2002). "China, the WTO and East Asian Economic Diplomacy", dalam *East Asian Trade and Financial Integration. New Issues* (eds) Peter Drysdale dan Kenichi Ishigaki, Asia Pacific Press, Canberra, Australia: 129-143.
- Harvie, Charles dan Hyun-Hoon Lee (2002). "New Regionalism in East Asia. How Does it Relate to the East Asian Economic Development Model?", *ASEAN Economic Bulletin*, vol. 19 (2): 123-140.
- Iwasaki, Yoshihiro and Brahm Prakash (2002). "Asian economic cooperation-a review", *Journal of Asian Economics*, vol. 13: 319-335.

***Mohamed Aslam - Kawasan Perdagangan Bebas (FTA)***

Kwan, Chi Hung (2002). "Overcoming Japan's China Syndrome", *Journal of Japanese Trade and Industry*, September/October: 26-29.

Lardy, Nicholas R (2002). *Integrating China into the Global Economy*, Brookings Institution, Washington DC.

Manupipatpong, Worapot (2002). "The ASEAN Surveillance Process and the East Asian Monetary Fund", *ASEAN Economic Bulletin*, vol. 19 (1): 111-122.

Mohamed Aslam (1996). "Kerjasama Perdagangan Serantau ASEAN: Impian dan Realiti", *JATI*, Bil.2: 101-110.

Nomura-Asian Equity Research (2002). "China's Changing Trade Profile", 29 July, Nomura International Hong Kong.

Shin-ya, Amano dan Yabuuchi Masaki (2002). "Lights and Shadows in the Chinese Economy", *Journal of Japanese Trade and Industry*, September / October: 19-25.

Watanabe, Toshio (2002). "China's Leap Forward and East Asia-Threat Theory and Risk Theory", *Journal of Japanese Trade and Industry*, September / October: 10-13.

Yip, Wei Kiat (2001). "Prospects for Closer Economic Integration in East Asia", *Stanford Journal of East Asian Affairs*, vol. 1 (spring): 106-111.

**NOTA HUJUNG**

1 Pensyarah, Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur.

2 Negara China pada asalnya adalah salah sebuah negara anggota dalam Perjanjian Am Mengenai Perdagangan dan Tariff (GATT). Dalam tahun 1950an negara tersebut telah menarik diri dari GATT.

3 Dalam kes ini negara utara Asia Timur merujuk negara China, Korea Selatan dan Jepun.

4 Makalah ini tidak akan membincangkan hal berkaitan FTA. Makalah ini lebih condong mengenai isu AP3 dan FTA ASEAN-China.

5 Perjanjian berbagai hala Rundingan Pusingan Uruguay telah dimeterai pada bulan April 1994 di Marrakesh, Tunisia.

6 Negara-negara yang terlibat dengan krisis ialah negara Indonesia, Malaysia, Thailand dan Korea Selatan (SEA).

7 Kerajaan China pada asalnya telah menolak cadangan AMF, tetapi menyetujui penubuhan AMF tersebut kemudiannya. Disebabkan tentangan oleh Amerika Syarikat dan

IMF, rancangan Jepun untuk membantu negara-negara Asia Timur yang dilanda krisis telah digantikan dengan Rancangan Miyazawa. Bagaimanapun, di kalangan anggota ASEAN dan negara-negara Asia Timur yang lain, idea AMF masih menarik (dan “hidup”). Hong Kong dan Filipina pula telah mencadangkan penubuhan Unit Matawang Asia (Asian Currency Unit-ACU), dan ada juga cadangan untuk menubuhkan Asian Bank for Reconstruction and Development dan Asian BIS. Cadangan-cadangan tersebut hanya di meja perbincangan. Ada satu perkara penting yang telah berlaku iaitu Inisiatif Chiang Mai pada Mei 2000. Inisiatif ini telah mengujudkan rangkaian pelarasan swap matawang (currency swap arrangements) (untuk detail lihat Manupipatpong, 2002). Perjanjian pelarasan swap matawang (PSM) tersebut telah ditandatangani dalam bulan November 2000 di Singapura. Sehingga kini perjanjian dua hala PSM telah ditandatangani antara Jepun-Malaysia, Jepun-Thailand dan Jepun-Korea Selatan. Pelarasan swap matawang penting kepada mana-mana negara ahli yang menghadapi masalah ketidakstabilan imbalan pembayaran.

8 Perkembangan ekonomi negara China mulai pesat sejak polisi “buka pintu” serta liberalisasi ekonomi yang telah dijalankan semasa dibawah pimpinan Deng Xiaoping. Polisi liberalisasi tersebut telah menjadi lebih agresif dibawah pemerintahan Jiang Zemin dengan Perdana Menterinya Zho Rongji. Dibawah Zho Rongji yang menggunakan pendekatan “managed marketization”, reformasi dalam sektor kewangan, industri, perdagangan, pertanian dan polisi penswastaan perusahaan awam telah dipertingkatkan. Hasilnya, pertumbuhan KDNK benar sebanyak 10 peratus, manakala akaun semasa imbalan pembayaran sentiasa mengalami surplus dan pengumpulan rizab antarabangsanya pula telah melebihi AS\$200 billion. Mana-mana pun negara di SEA dan Asia Timur amat bimbang mendapat kesan negatif dari kepesatan pembangunan ekonomi di Negara Cina, lebih-lebih lagi setelah negara China menyertai WTO.

9 Produk utama lain ialah peralatan pengangkutan (4%), kasut (4%), produk berasaskan besi/keluli (4%), elektronik dan intergrated circuits (2.3%), plastics (2%) dan barang mainan (2%).